



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**HUBUNGAN PERSEKITARAN KEKELUARGAAN DENGAN
PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR SIAM SEKOLAH
MENENGAH**

TING LEN SIONG

FPP 2003 13

**HUBUNGAN PERSEKITARAN KEKELUARGAAN DENGAN PENCAPAIAN
AKADEMIK PELAJAR SIAM SEKOLAH MENENGAH**

Oleh

TING LEN SIONG

**Tesis Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Master Sains**

Mei 2003



DEDIKASI

BUAT AYAH YANG TERCICIR PERSEKOLAHAN KERANA KEMISKINAN DAN IBU YANG TERCICIR PERSEKOLAHAN KERANA PILIHAN SENDIRI. TERIMA KASIH KERANA MELAHIRKAN, MEMBESARKAN SERTA MENYEKOLAHKAN DIRI INI DALAM PERSEKITARAN KEKELUARGAAN YANG MISKIN.



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**HUBUNGAN PERSEKITARAN KEKELUARGAAN DENGAN PENCAPAIAN
AKADEMIK PELAJAR SIAM SEKOLAH MENENGAH**

Oleh

TING LEN SIONG

Mei 2003

Pengerusi: Profesor Datin Dr. Sharifah Md. Nor, Ph.D.

Fakulti: Pengajian Pendidikan

Persekitaran kekeluargaan adalah penting dalam menentukan pencapaian akademik pelajar. Persekitaran keluarga yang miskin biasanya melahirkan pelajar yang berprestasi rendah. Namun begitu, terdapat juga pelajar pandai yang berasal daripada keluarga miskin. Oleh itu, tujuan kajian ini ialah meninjau serta membandingkan persekitaran kekeluargaan dan pencapaian akademik pelajar-pelajar Siam yang berbeza tahap pencapaian akademik. Teori budaya kemiskinan dan teori sosialisasi menjadi asas kajian ini. Sampel kajian terdiri daripada 190 orang pelajar Siam kelas baik dan kelas lemah dari tiga buah sekolah menengah dalam jajahan Tumpat. Soal selidik diedarkan kepada pelajar dan ibu bapa ditemubual.



VITA

Ting Len Siong dilahirkan dalam keluarga miskin pada 14 November 1968 di kampung Tendong, Pasir Mas, Kelantan. Memulakan persekolahan di SRJK (C) Yok Eng. Kemudian bersekolah di SMK Tendong dan SMK Mahmud Mahyiddin.

Pada tahun 1988, beliau melanjutkan pelajaran ke Universiti Kebangsaan Malaysia dan membuat pengkhususan dalam bidang sejarah. Beliau pernah berkhidmat sebagai Penyelia Latihan di Singer (M) Sdn Bhd.

Beliau kemudiannya mengambil Diploma Pendidikan di Universiti Kebangsaan Malaysia. Selepas itu bertugas sebagai guru siswazah di SMK Kuhara, SMK Mahmud Mahyiddin dan SMK Chabang Empat.

Pada Tahun 2001, beliau ditawarkan biasiswa Program Persarjanaan Khas Pensyarah Maktab Perguruan, oleh Bahagian Pendidikan Guru. Beliau telah memilih Universiti Putra Malaysia sebagai tempat menyambung pengajiannya.

Kini, beliau bertugas sebagai pensyarah di Jabatan Ilmu Pendidikan, Maktab Perguruan Sultan Mizan.

Data dianalisis dengan peratusan, ujian t, ujian korelasi, ujian khi kuasa dua serta ujian regresi. Secara keseluruhannya dapatan menunjukkan pencapaian akademik pelajar Siam berada di tahap rendah. Penglibatan ibubapa dalam membantu anak semasa di rumah juga di tahap rendah. Terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar Siam yang pencapaian baik dengan yang lemah dari segi pandangan mereka terhadap penglibatan ibubapa mereka. Secara keseluruhan pelajar Siam mempunyai pandangan positif terhadap sekolah dan guru mereka. Ibubapa pelajar berpencapaian baik mempunyai pandangan yang positif terhadap kebolehan anak mereka, sebaliknya ibubapa pelajar lemah mempunyai pandangan yang rendah terhadap potensi anak mereka. Faktor-faktor persekitaran kekeluargaan seperti takat pendidikan bapa, pekerjaan bapa, pendapatan ibu bapa, jumlah bahasa perantaraan dalam keluarga, bilangan ahli keluarga, jumlah jam menonton televisyen pada hari persekolahan, jumlah jam menonton televisyen pada hujung minggu, memiliki bilik bacaan dan memiliki buku rujukan mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik pelajar Siam.

Dapatan kajian membawa implikasi kepada langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh pihak berkaitan untuk membantu mewujudkan persekitaran yang positif bagi pelajar-pelajar Siam dalam jajahan Tumpat.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

RELATIONSHIP BETWEEN FAMILY ENVIRONMENT AND ACADEMIC ACHIEVEMENT OF SIAMESE STUDENT OF SECONDARY SCHOOL

By

TING LEN SIONG

May 2003

Chairman: Professor Datin Dr. Sharifah Md. Nor, Ph.D.

Faculty: Educational Studies

Family environment is important in determining the academic of student. A poor family usually produces a poor student with a low academic achievement. Therefore, the aim of this study is to examine and compare the family environment and the academic achievement of the Siamese student who are of various standards of academic achievement. The cultural of poverty theory and the socialization theory are the basic theories for this study. The sample study comprises of 190 Siamese student from a good class and a weak class from three secondary school in Tumpat District. Questionnaires were distributed to the student whilst the parent were interviewed.



The data obtained were analysed using percentage, t test, correlation, chi square and regression. On the whole the findings show that the academic achievement of Siamese students is low. The parents do not play a role in helping their children at home. There is a significant difference between the perception of good Siamese students and a poor one in terms of their parents' involvement. As a whole, respondents are positive towards their school and teacher. Parents of good students have a positive view of their children's academic potential, while parents of weak students have a negative view of their children's academic potential. Family environmental factors like the level of education of the father, the father's occupation, parent's income, number of languages spoken at home, number of family members, total hours of watching TV on school days, total hours of watching TV on weekends, the availability of a reading room and reference books, have a significant relationship with the academic achievement of the Siamese student.

The results of this study have implications on steps that could be taken by the concerned authority to help create a positive environment for the Siamese student in Tumpat District.



PENGHARGAAN

Jutaan terima kasih ditujukan kepada Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan tesis saya, Profesor Datin Dr. Sharifah Md Nor dan ahli-ahli jawatankuasanya, Profesor Madya Dr. Ab. Rahim Bakar dan Profesor Dr. Mohamed Yusoff Ismail. Tanpa bimbingan, sokongan dan dedikasi mereka, tesis ini tidak mungkin dapat disiapkan. Segala usaha para penyelia ini amat saya hargai dan kekal dalam ingatan.

Terima kasih juga kepada abang, adik serta rakan-rakan kerana sudi menolong saya di sepanjang tempoh pengajian saya. Pertolongan kalian amat besar ertinya buat saya.

Khas buat isteri Ampon A/P Eh Jong serta anak-anak, Vipassana Ting Vio Lin dan Ariyasak Ting Chew Prim, anggaplah kejayaan ini sebagai kejayaan bersama.

KANDUNGAN

DEDIKASI	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
PENGESAHAN	viii
PENGAKUAN	x
SENARAI JADUAL	xvi
SENARAI RAJAH	xix

BAB

1	Pengenalan	
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Masalah Pendidikan Pelajar Siam	6
1.3	Penyataan Masalah	9
1.4	Limitasi Kajian	10
1.5	Tujuan Kajian	10
1.6	Soalan kajian	11
1.7	Kepentingan Kajian	13
1.8	Definisi Operasional	14
1.8.1	Persekitaran keluarga	14
1.8.2	Pencapaian akademik	14
1.8.3	Pelajar kelas baik dan pelajar kelas lemah	14
1.8.4	Penglibatan ibubapa	15
1.8.5	Status sosioekonomi (SES)	15
1.8.6	Pelajar-pelajar keturunan Siam	16
2	Tinjauan Literatur	
2.1	Pengenalan	17
2.2	Teori-teori yang Berkaitan	17
2.2.1	Teori Budaya Kemiskinan	18
2.2.2	Teori Sosialisasi	19
2.3	Persekitaran Kekeluargaan	21



2.5	Status Sosioekonomi Keluarga	32
2.6	Pendidikan dan Pelajar Minoriti	38
2.7	Kajian-kajian Tentang Persekitaran Keluarga dan Pencapaian Akademik	45
2.8	Kajian-kajian Tentang Penglibatan Ibumama Dalam Pendidikan Anak dan Pencapaian Akademik	48
2.9	Kajian-kajian Tentang Status Sosioekonomi dan Pencapaian Akademik	54
2.11	Kerangka Kajian	59
2.12	Kesimpulan	60
3	METODOLOGI	
3.1	Pendahuluan	61
3.2	Reka Bentuk Kajian	61
3.3	Sampel Kajian	61
3.4	Instrumen kajian	65
3.5	Kesahihan Instrumen	69
3.6	Kebolehpercayaan Instrumen	69
3.7	Pengumpulan Data	69
3.8	Analisa Data	71
4	ANALISA DATA DAN DAPATAN	
4.1	Pengenalan	74
4.2	Profile Responden (pelajar)	76
a)	jantina	76
b)	tingkatan	77
4.3	Pencapaian Akademik Pelajar	77
4.4	Latarbelakang Pelajar	78
4.4.1	Persekitaran Sosial Keluarga Pelajar	79
a)	tahap pendidikan bapa pelajar	80
b)	pekerjaan bapa pelajar	80
c)	pendapatan keluarga	81
d)	bilangan ahli keluarga pelajar	82
e)	bilangan bahasa pertuturan dengan ahli keluarga	83
f)	jumlah jam menonton televisyen pada hari persekolahan	84
g)	jumlah jam menonton televisyen pada hujung minggu	85
4.4.2	Persekitaran Fizikal Keluarga Pelajar	87

a) jenis rumah yang didiami oleh pelajar	88
b) bekalan api di rumah pelajar	88
c) perabut dan alatan pembelajaran	88
d) memiliki bilik bacaan	89
e) memiliki buku rujukan	90
4.5 Penglibatan Ibumama Pelajar Siam Membantu Anak Semasa Belajar di Rumah dan Mengawasi Tontonan Televisyen Anak (menurut pandangan Pelajar).	91
4.5.1 Penglibatan Ibumama Membantu Anak Semasa Belajar di Rumah (menurut pandangan pelajar)	91
4.5.2 Penglibatan Ibumama Pelajar Siam Mengawasi Tontonan Televisyen Mereka (menurut pandangan pelajar)	96
4.6 Penglibatan Ibumama Pelajar Siam Membantu Anak Mereka Semasa Belajar di Rumah, Mengawasi Tontonan Televisyen Anak dan Hadir Ke Sekolah Anak (menurut pandangan ibumama)	99
4.6.1 Penglibatan Ibumama Pelajar Siam Membantu Anak Mereka Semasa Belajar di Rumah (menurut pandangan ibumama)	100
4.6.1.1 Menetapkan Masa Untuk Anak Mengulangkaji	100
4.6.1.2 Mengawasi Anak Ulangkaji Pelajaran	101
4.6.1.3 Menyediakan Bilik Ilangkaji Untuk Anak	103
4.6.1.4 Membantu Kerjarumah Anak	104
4.6.2 Penglibatan Ibumama Pelajar Siam Mengawasi Tontonan Televisyen Anak Mereka (menurut pandangan ibumama)	106
4.6.3 Kehadiran Ibumama Pelajar Siam ke Sekolah Anak Mereka (menurut pandangan ibumama)	108
4.6.3.1 Hadir ke Sekolah Anak	108
4.6.3.2 Mengenali Guru Tingkatan Anak	110
4.6.3.3 Mengenali Guru Matapelajaran Anak	111
4.7 Pandangan Pelajar Siam Terhadap Sekolah dan Guru	113
4.7.1 Pandangan Pelajar Siam Terhadap Sekolah Mereka	113
4.7.2 Pandangan Pelajar Siam Terhadap Guru Mereka	116
4.8 Pandangan Ibumama Pelajar Siam Tentang Pencapaian Akademik Anak Mereka dan Pendidikan Luar Bandar	118
4.8.1 Pandangan Ibumama Pelajar Siam Terhadap Pencapaian Akademik Anak Mereka	118
4.8.2 Pandangan Ibumama Pelajar Siam Terhadap Pendidikan di Luar Bandar	122
4.8.2.1 Pandangan Ibumama Terhadap Sekolah Anak Mereka	124
4.8.2.2 Pandangan Ibumama Terhadap Mutu Pengajaran di Sekolah Anak Mereka	125
4.8.2.3 Pandangan Ibumama Terhadap Kenudahan Pembelajaran Di Sekolah Anak Mereka	127
4.9 Hubungan Faktor Persekitaran Keluarga dengan Pencapaian Akademik Pelajar Siam	128

4.9.1	Perhubungan Antara Takat Pendidikan Bapa Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Siam	129
4.9.2	Perhubungan Antara Pekerjaan Bapa Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Siam	130
4.9.3	Perhubungan Antara Pendapatan Iubapa Dengan Pencapaian akademik Pelajar Siam	131
4.9.4	Perhubungan Antara Jumlah Ahli Keluarga Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Siam	131
4.9.5	Perhubungan Antara Jumlah Jam Menonton Televisyen Pada Hari Persekolahan Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Siam	132
4.9.6	Perhubungan Antara Jumlah Jam Menonton Televisyen Pada Hujung Minggu Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Siam	133
4.9.7	Perhubungan Antara Bilangan Bahasa Pertuturan Dalam Keluarga Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Siam	134
4.9.8	Perhubungan Antara Memiliki Bilik Bacaan Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Siam	135
4.9.9	Perhubungan Antara Memiliki Buku Rujukan Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Siam	136
4.9.10	Faktor Persekitaran Keluarga yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar Siam.	137

5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	140
5.2	Rumusan Kajian	140
5.2.1	Rumusan Objektif	141
5.2.2	Metodologi Kajian	141
5.3	Rumusan Dapatan dan Perbincangan	142
5.3.1	Penglibatan Iubapa Pelajar Siam	142
5.3.2	Pandangan Pelajar Siam Terhadap Sekolah dan Guru	143
5.3.3	Pandangan Iubapa pelajar Siam Terhadap Pencapaian Akademik Anak Mereka dan Pendidikan di Luar Bandar	144
5.3.4	Perhubungan Persekitaran keluarga Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Siam.	145
5.3.5	Pengaruh Persekitaran Keluarga Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar Siam	
5.4	Implikasi dan Cadangan	146
5.4.1	Teori Kajian	147
5.4.2	Pihak Sekolah	149

5.4.3	Ibu bapa Pelajar Siam	150
5.4.4	Pemimpin Masyarakat Siam	151
5.4.5	Kementerian Pendidikan Malaysia	152
5.4.6	Kajian Akan Datang	153
5.6	Kesimpulan	154
5.7	Penutup	155
RUJUKAN		156
LAMPIRAN		
	Lampiran 1	164
	Lampiran 2	171
	Lampiran 3	181
	Lampiran 4	182
	Lampiran 5	183
	Lampiran 6	187
	Lampiran 7	188
	Lampiran 8	189
	Lampiran 9	191
	Lampiran 10	191
VITA		192



Senarai Jadual

Jadual 3.1 : Guilford's rule of thumb	71
Jadual 3.2 : Analisa Data	73
Jadual 4.1 : Taburan responden mengikut jantina	76
Jadual 4.2 : Taburan responden mengikut tingkatan dan kategori pencapaian akademik	77
Jadual 4.3 : Pencapaian akademik pelajar Siam	78
Jadual 4.4 : Taburan tahap pendidikan bapa pelajar	80
Jadual 4.5 : Taburan pekerjaan bapa pelajar	81
Jadual 4.6 : Taburan pendapatan keluarga	82
Jadual 4.7 : Taburan ahli keluarga yang tinggal bersama pelajar	83
Jadual 4.8 : Taburan bahasa pertuturan dengan ahli-ahli keluarga	84
Jadual 4.9 : Taburan jumlah jam menonton televisyen pada hari persekolahan	85
Jadual 4.10 : Taburan jumlah jam menonton televisyen pada hari hujung minggu	86
Jadual 4.11 : Taburan jenis rumah yang didiami oleh pelajar	88
Jadual 4.12 : Taburan perabot dan alatan pembelajaran di rumah pelajar	89
Jadual 4.12 : Taburan memiliki bilik bacaan sendiri di rumah	90
Jadual 4.13 : Taburan pemilikan buku rujukan di kalangan pelajar	90
Jadual 4.15 : Penglibatan ibu bapa pelajar Siam membantu anak mereka semasa Pembelajaran di rumah (menurut pandangan pelajar)	93
Jadual 4.16 : Ujian t tentang perbezaan penglibatan ibu bapa pelajar Siam membantu anak mereka semasa pembelajaran di rumah (menurut pandangan pelajar)	95
Jadual 4.17 : Penglibatan ibu bapa pelajar Siam dalam mengawasi tontonan televisyen anak mereka (menurut pandangan pelajar)	97

Jadual 4.18 : Ujian t tentang perbezaan penglibatan ibu bapa dalam mengawasi Tontonan televisyen anak (menurut pandangan pelajar)	98
Jadual 4.19 : Frekuensi ibu bapa pelajar Siam menetapkan masa mengulangkaji anak mereka di rumah (menurut pandangan ibu bapa).	100
Jadual 4.20 : Frekuensi ibu bapa pelajar Siam mengawasi anak semasa mengulangkaji pelajaran di rumah.	102
Jadual 4.21 Frekuensi ibu bapa pelajar Siam menyediakan bilik untuk anak mereka mengulangkaji pelajaran di rumah	103
Jadual 4.22 : Frekuensi ibu bapa pelajar Siam membantu kerjaruamah anak	104
Jadual 4.23 : Frekuensi ibu bapa pelajar Siam mengawasi masa tontonan televisyen anak mereka	106
Jadual 4.24 : Frekuensi ibu bapa pelajar Siam mengawasi rancangan tontonan tv anak mereka	107
Jadual 4.25 : Frekuensi kehadiran ibu bapa pelajar Siam ke sekolah anak mereka	109
Jadual 4.26 : Frekuensi ibu bapa pelajar Siam mengenali guru tingkatan anak mereka	111
Jadual 4.27 : Frekuensi ibubapa pelajar Siam mengenali guru-guru yang mengajar anak mereka.	112
Jadual 4.28 : Pandangan pelajar Siam terhadap usaha pihak sekolah	114
Jadual 4.29 : Ujian t perbezaan pandangan pelajar Siam tentang sekolah mereka	115
Jadual 4.30 : Pandangan pelajar Siam terhadap guru mereka.	116
Jadual 4.31 : ujian t Perbezaan pandangan pelajar Siam terhadap guru mereka	117
Jadual 4.32 : pandangan ibu bapa pelajar Siam terhadap prestasi akademik Anak mereka	119
Jadual 4.33 : Jangkaan ibubapa pelajar Siam terhadap pendidikan di luar bandar	122
Jadual 4.34 : Frekuensi pandangan ibubapa pelajar Siam tentang sekolah anak mereka	125
Jadual 4.35 : Frekuensi pandangan ibu bapa pelajar Siam tentang mutu pengajaran di sekolah anak mereka	126

Jadual 4.36 : Frekuensi pandangan ibu bapa pelajar Siam tentang kemudahan Pembelajaran di sekolah anak mereka	127
Jadual 4.37 : Ujian korelasi Perhubungan antara tahap pendidikan bapa dengan pencapaian akademik pelajar Siam	129
Jadual 4.38 : Ujian khi kuasa dua perhubungan antara pekerjaan bapa dengan pencapaian akademik pelajar Siam	130
Jadual 4.39 : Ujian korelasi perhubungan antara pendapatan ibubapa dengan pencapaian akademik pelajar Siam	131
Jadual 4.40 : Ujian korelasi perhubungan antara bilangan ahli keluarga dengan pencapaian akademik pelajar Siam	132
Jadual 4.41 : Ujian korelasi Perhubungan antara jumlah jam menonton televisyen pada hari persekolahan dengan pencapaian akademik pelajar Siam	133
Jadual 4.42 : Ujian korelasi perhubungan antara jumlah jam menonton televisyen pada hujung minggu dengan pencapaian akademik pelajar Siam	133
Jadual 4.43 : Ujian korelasi perhubungan antara bilangan bahasa pertuturan dalam keluarga dengan pencapaian akademik pelajar Siam	134
Jadual 4.44 : Ujian khi kuasa dua perhubungan antara memiliki bilik bacaan dengan pencapaian akademik pelajar Siam	135
Jadual 4.45 : Ujian khi kuasa dua perhubungan antara memiliki buku rujukan dengan pencapaian akademik pelajar Siam	136
Jadual 4.46 Stepwise multiple regression menggunakan pencapaian akademik Pelajar Siam sebagai criteria	138

Senarai Rajah

Rajah	halaman
Rajah 2.1 : Kerangka konseptual kajian	59

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Sejak negara kita mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, sektor pendidikan sentiasa diberikan penekanan oleh pihak kerajaan agar semua rakyat tidak kira yang tinggal di luar bandar ataupun di bandar, tidak ketinggalan dalam bidang pendidikan. Untuk membangunkan sektor pendidikan, pihak kerajaan telah menyediakan sejumlah peruntukkan untuk tujuan ini. Sebagai contohnya dalam Rancangan Malaysia Kelapan, sebanyak RM18.66 juta disediakan (*Rancangan Malaysia Kelapan, 2001*)

Daripada peruntukan di atas, jelas memperlihatkan bahawa kerajaan sentiasa mengambil berat terhadap pendidikan rakyat, tidak kira di kawasan bandar atau luar bandar. Sekolah-sekolah di kawasan luar bandar telah menerima banyak projek dan kemudahan. Ini bertujuan agar para pelajar di kawasan luar bandar berpeluang menikmati segala kemudahan pendidikan sepertimana yang dinikmati oleh rakan-rakan mereka di kawasan bandar. Antara projek dalam pembinaan dan yang telah siap dibina adalah projek makmal komputer, asrama desa, dan bangunan baru. Perhatian yang serius diberikan oleh pihak kerajaan ke atas sektor pendidikan terutamanya terhadap sekolah-sekolah di kawasan luar bandar adalah selaras dengan usaha-usaha pendemokrasian pendidikan.

Pendemokrasian pendidikan bererti semua rakyat berhak mendapat peluang pendidikan yang sama; tidak kira sama ada mereka belajar di sekolah bandar ataupun di sekolah luar bandar. Dalam strategi pengagihan perbelanjaan dalam tempoh RMK 8, pihak kerajaan telah menggariskan antara objektifnya ialah mempergiat usaha meningkatkan kualiti hidup terutamanya di kawasan luar bandar dengan membaiki kualiti kemudahan asas, perumahan, kesihatan, rekreasi dan pendidikan (*Rancangan Malaysia Kelapan*, 2001). Abdul Halim (1989), mencatatkan bahawa kerajaan Malaysia tidak mengamalkan diskriminasi terhadap pelajar di negara ini. Melihat kepada fenomena masalah kemiskinan pelajar luar bandar, usaha telah diambil oleh pihak kerajaan. Antara usaha itu ialah mewujudkan Tabung Pelajar Miskin. Tujuan utama tabung ini ialah membantu pelajar-pelajar miskin membeli buku teks, menjelaskan yuran, membeli pakaian seragam, belanja makan minum dan tambang pengangkutan (*Berita Harian*, 26 September 2002). Perdana Menteri, selaku Menteri Kewangan Malaysia; dalam Bajet 2003 telah mencadangkan peruntukan sebanyak 27 peratus daripada perbelanjaan RM106.7 billion kepada sektor pendidikan. Dalam hal ini, untuk anak-anak keluarga miskin, kerajaan mencadangkan peruntukan 'one-off' sebanyak RM 120.00 setahun secara tunai kepada setiap untuk tujuan seperti dinyatakan di atas. Untuk meningkatkan pencapaian akademik pelajar-pelajar miskin ini, kerajaan menimbangkan untuk memberi *voucher* tuisyen kepada anak-anak keluarga miskin bagi membolehkan mereka mendapat tuisyen daripada guru-guru yang sanggup memberi tuisyen khas di luar waktu sekolah (Bajet 2003, 21 September 2002).

Hazil (1990) pula melihat manifestasi persamaan peluang pendidikan dapat memberikan suasana dan kandungan pelajaran yang sama kepada semua pelajar sekolah. Ini membolehkan semua pelajar berpeluang merasai kebaikan pendidikan yang terdapat

dalam sistem pendidikan di negara kita. Setiausaha Menteri Dalam Negeri, Datuk Ramzi Ab. Rahman dalam ucapan perasmian mesyuarat agung Persatuan Masyarakat Thai Kelantan di Wat Phikulthong, Tumpat, mengatakan dasar kerajaan Malaysia telah membuka peluang pendidikan seluas-luasnya kepada semua warganegara tanpa membezakan latarbelakang atau taraf sosial mereka. Peluang pendidikan yang sama diberikan kepada pelajar-pelajar tanpa membezakan pelajar Melayu, Cina, India ataupun Siam. Ini dapat dilihat melalui kemudahan pendidikan dan biasiswa diberikan kepada pelajar Siam yang miskin (*Berita Harian*, 28 Disember 2002)

Harapan, peranan dan tanggungjawab yang dipikul oleh sistem pendidikan di negara kita semakin hari semakin mencabar. Setiap warganegara, tidak kira yang tinggal di bandar, luar bandar dan pedalaman; mengharapkan anak-anak mereka mendapat markah yang cemerlang dalam setiap peperiksaan yang diduduki. Ini kerana kecemerlangan dalam peperiksaan dijangka membolehkan seseorang itu mendapat pekerjaan yang mendatangkan pendapatan lumayan. Keadaan ini amat sesuai dengan ekonomi moden yang dilaksanakan di negara ini.

Walau bagaimanapun, sekolah-sekolah di kawasan luar bandar yang dihadiri oleh pelajar-pelajar Melayu dan pelajar-pelajar minoriti sentiasa mencatatkan keputusan peperiksaan yang kurang memberangsangkan. Masalah markah yang rendah ini berlaku pada setiap peringkat peperiksaan, tidak kira sama ada peperiksaan PMR, SPM mahupun STPM. Buletin Utama 5 April 2000, melaporkan bahawa hakikatnya pencapaian sekolah luar bandar yang serba kekurangan dari segi prasarana dan guru berpengalaman masih pada takuk lama :

Kerajaan perlu melihat dengan lebih menyeluruh tahap pendidikan sekolah menengah di negara ini bagi memastikan tidak ada pihak ketinggalan dalam arus perkembangan pendidikan negara. Dalam usaha menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan pendidikan serantau, mungkin sudah tiba masanya satu pendekatan yang lebih komprehensif dalam memastikan tahap pendidikan yang lebih seimbang di antara sekolah di bandar dan luar bandar, bukan setakat riuh dengan pencapaian beberapa sekolah yang jelas sudah dijangka namun yang lain masih pada tahap yang menyedihkan.

(www.tv3.com.my, 2000 : 2)

Masalah utama pelajar-pelajar luar bandar adalah berkaitan dengan kemiskinan dan desakan hidup yang memberikan kesan negatif terhadap kemajuan. Sharifah (2000), memetik pendapat bekas pelajar bachelor pendidikannya yang sedang bertugas sebagai guru di kawasan luar bandar, guru-guru ini melihat pelajar luar bandar mempunyai pelbagai masalah seperti kurang minat belajar, kurang terdedah kepada dunia luar, tahap pemikiran lemah dan pasif, keperluan peribadi atau keperluan pembelajaran yang tidak dipenuhi, kurang dorongan untuk berjaya serta masalah pengangkutan. Situasi bertambah serius lagi apabila ada anak-anak keluarga miskin terpaksa berhenti sekolah untuk mencari nafkah untuk membiayai persekolahan adik-adiknya mereka yang ramai (Anja, 24 September 2002. *Utusan Malaysia*, 24 Oktober 2002). Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengesan kira-kira 32,000 orang pelajar tercicir pada peringkat sekolah rendah dengan 40 peratus daripadanya disebabkan oleh masalah kemiskinan (*Berita Harian*, 29 September 2002). Kenyataan ini disokong pula oleh dapatan yang mengatakan kemiskinan ibubapa kawasan luar bandar juga telah menyebabkan kira-kira 90,000 pelajar sekolah rendah di seluruh negara tidak dapat meneruskan persekolahan mereka ke sekolah menengah (Zulkifli, 14 Mei 2002).